

Qalam

Bilangan 91 Rejab 1377 Februari 1958 70 sen

Keputusan-keputusan Kongres Kebudayaan

Kongres Kebudayaan Melayu telah selamat ditamatkan dengan membawa beberapa keputusan di antaranya bahawa: Kebudayaan Melayu itu hendaklah kelak segala sesuatunya tidak berlawanan dengan agama Islam.

Alhamdulillah, kita berasa syukur atas keputusan ini dan kita bertambah yakin bahawa peserta-peserta Kongres itu adalah masih kuat lagi keagamaannya kerana kalau tidak tentulah Kongres itu tidak memberi syarat yang mutlak bahawa tiap-tiap kebudayaan kebangsaan itu hendaklah tidak berlawanan dengan dasar-dasar atau iktikad Islam.

Sungguhpun syarat itu harus akan tidak digemari oleh sebahagian pihak; dan harus pihak ini akan berpendapat sukar hendak melaksanakannya tetapi kita yakin apabila ada kemahuan ahli-ahli kebudayaan kita dari sedikit demi sedikit kelak akan menjauhkan perkara-perkara yang banyak bertentangan dengan pengajaran Islam kerana di dalam banyak perkara adat istiadat kita Melayu itu telah pun dicampuri oleh pelajaran-pelajaran yang berasal daripada agama atau pengajaran-pengajaran Hindu.

Ini tidak dapat dinafikan – kita melihat di dalam latihan-latihan jasmani pada kebudayaan kita banyak pula didapati perkara-perkara yang melanggar asas-asas kebudayaan yang bersesuaian dengan agama kita seperti yang pernah kita

tunjukkan di dalam cara memberi hormat orang-orang bergayung, umpamanya, yang telah membuat suatu cara yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Kerana itu maka untuk mencari teras kebudayaan kita hendaklah jawatankuasa tetap Kongres itu mengadakan suatu bahagian penapis kebudayaan kita yang terdiri daripada orang-orang yang mengerti dan luas fahamnya dalam Islam untuk menyelidiki di mana perkara-perkara yang melanggar Islam. Bahagian ini hendaklah menghalusi:

1. Adat istiadat pergaulan sehari-hari;
2. Adat istiadat dalam permasyarakatannya;
3. Pendidikan dalam latihan rohani;
4. Hal-hal yang mengenai seni bunyi;
5. Hal yang mengenai seni kata.

Kita berpendapat jawatankuasa ini mustahak bukannya sahaja sebagai penapis tetapi juga sebagai penasihat kerana kita banyak melihat sekarang ini di dalam kebudayaan kita banyak yang melanggar pengajaran-pengajaran Islam bahkan ada pula yang mendatangkan atau menjadikan perbuatan itu syirik.

Dengan ini perdampingan ahli-ahli agama dengan badan-badan tetap kebudayaan yang diketuai oleh A. Aminuddin Baki B. H. sangat-sangat kita anjurkan supaya teras kebudayaan kita tersusun dengan suatu cara yang tidak bertentangan dengan pengertian Islam.

* * *

Jasa-jasa Penerbit

Tuan Syed Nasir bin Ismail Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka di dalam ucapannya di Kongres Kebudayaan Melayu di Melaka menyebut jasa-jasa akhbar-akhbar dan majalah-majalah di dalam perkembangan bahasa dan kebudayaan Melayu. Banyak daripadanya yang telah tinggal namanya sahaja sedang yang lainnya

telah berjaya dan maju.

Kita bersyukur atas penghargaan yang diberi beliau kepada usaha-usaha bangsa kita sama ada yang di Singapura dan juga di Persekutuan Tanah Melayu. Kita yakin tidak dapat orang menafikan bahawa yang banyak berjasa dalam hal ini ialah Singapura yang diikuti pula oleh Pulau Pinang.

Mudah-mudahan sebutan jasa-jasa itu tidak hanya sebutan tetapi patut Dewan Bahasa, sebagaimana tugas yang diberikan kepadanya oleh Kongres Bahasa, dari satu ke satu masa bekerjasama dengan rapat dengan penerbit-penerbit Melayu.

Sekarang Persekutuan Tanah Melayu telah merdeka! Bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan yang akan dilaksanakan dalam masa sepuluh tahun. Tugas ini diletakkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sedang rakyat sendiri berharap Dewan itu melaksanakan sesuatunya dengan segera.

Untuk menyampaikan hajat ini, menurut pendapat kita, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak akan dapat melaksanakan dengan segera jika tidak ia mencari kerjasama dengan penerbit-penerbit Melayu. Dengan itu telah selayaknya sekarang ini, untuk melaksanakan tugas Kongres, Dewan Bahasa mengadakan perundingan-perundingan dengan penerbit-penerbit Melayu di seluruh Tanah Melayu untuk menghadapi kehendak-kehendak rakyat dalam perkara meluaskan perkembangan bahasa. Kerjasama di antara penerbit-penerbit Melayu dengan Dewan Bahasa yang ditugaskan oleh Kongres itu, kita berpendapat, belum lagi dilaksanakan.

Oleh yang demikian telah sepatutnya Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan suatu perjumpaan di antaranya dengan penerbit-penerbit Melayu untuk bertukar-tukar fikiran dalam melaksanakan tugas bersama dalam perkembangan bahasa

supaya tenaga yang banyak itu dapat ditampung. Cara bekerjasama juga patut dilaksanakan.

Di dalam perjumpaan ini juga kelak pihak Dewan Bahasa dapat mengetahui kesusahan-kesusahan atau kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penerbit-penerbit Melayu di dalam usahanya meluaskan bahasa Melayu. Apabila kesulitan-kesulitan ini dapat diperhatikan maka dapatlah kelak Dewan Bahasa mengemukakan kesulitan-kesulitan dan kesukaran-kesukaran itu kepada pihak kerajaan supaya tenaga-tenaga bangsa Melayu di dalam usaha meninggikan bahasanya tidak terbiar begitu sahaja dan jasa-jasa mereka kelak menjadi suatu perkara yang tidak diendahkan.

Kita berterus terang mengatakan, sebagaimana yang pernah kita siarkan dalam majalah ini, bahawa semenjak daripada masa sebelum merdeka sehingga hari ini belum ada sebuah buku-buku pelajaran di sekolah-sekolah Melayu yang dicetak di percetakan Melayu. Kita berani mengatakan bahawa semuanya dicetak di percetakan asing (lain daripada bangsa Melayu) pada hal daripada hasil itu mereka hanya dapat membesarakan usaha mereka tetapi tidak ada sedikit pun daripada usaha-usaha mereka itu yang ada membuat usaha-usaha meluaskan bahasa dan perkembangan kebudayaan Melayu. Dengan itu jika usaha-usaha penerbitan dan percetakan Melayu itu disokong oleh kerajaan dengan memberi "kuota" kepada mereka maka selain daripada mereka dapat meluaskan usahanya di dalam percetakan maka mereka akan dapat pula meluaskan penerbitan-penerbitannya yang bererti meluaskan kemajuan bahasa Melayu.

Mudah-mudahan Dewan Bahasa dan Pustaka memerhatikan hal ini dan mencari jalan untuk menaikkan mutu penerbit-penerbit Melayu sesuai dengan apa yang ditugaskan oleh Kongres itu dahulu.